

Ciri-Ciri Pengurusan Homestay Persendirian di Daerah Kota Belud, Sabah

ABSTRACT

Sektor pelancongan di Sabah adalah memberangsangkan dengan ketibaan pelancong mencecah 3.9 juta orang pada tahun 2018 dengan kadar pertumbuhan 9.2% berbanding tahun sebelumnya. Hal ini mendorong terhadap keperluan dalam sektor kemudahan penginapan. Di Kota Belud, kepelbagaian produk pelancongan yang diperkenalkan di samping Tamu Besar Kota Belud yang dianjurkan pada bulan Oktober setiap tahun mendorong terhadap keperluan penginapan kepada pelancong. Implikasinya, pembangunan homestay persendirian semakin meningkat sejak sedekad lalu. Untuk itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri pengurusan homestay persendirian yang diusahakan termasuk meneliti tata cara pendaftaran di homestay berkenaan serta meninjau pengurusan yang dilakukan oleh pengusaha homestay. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan kaedah kualitatif dan kajian kes. Untuk itu, seramai lapan informan dari kalangan pengusaha homestay persendirian telah dikaji. Ringkasnya, homestay persendirian adalah suatu alternatif kemudahan penginapan yang signifikan dalam konteks Kota Belud. Untuk itu, peranan pihak pemegang taruh adalah relevan dan penting dalam menjadikan homestay persendirian lebih dikenali dan berdaya saing.